

Latihan Penilaian Unit

1. Khalifah bererti _____.
 - A. konsep yang menekankan kewajipan yang diamanahkan oleh Allah s.w.t.
 - B. pemimpin negara Islam selepas kewafatan Rasulullah.
 - C. mempunyai kuasa mutlak dan mengatasi segala undang-undang.
 - D. pemerintahan bersifat diktator.

2. Perundangan Islam terbahagi kepada _____ bahagian.
 - A. satu
 - B. dua
 - C. tiga
 - D. empat

3. Pilih pernyataan yang tidak benar berkenaan riba.
 - A. Al-ziyadah
 - B. Tambahan atau kenaikan
 - C. Pembayaran yang disyaratkan lebih oleh orang yang meminjamkan
 - D. Sebuah badan yang memberi pinjaman kewangan kepada umat Islam

4.

<ul style="list-style-type: none">• Melantik ahli kaum keluarga sendiri dalam melaksanakan pemerintahan.• Menguatkan angkatan tentera laut.
--

Pernyataan di atas menerangkan zaman pemerintahan Khalifah _____.

- A. Abu Bakar al-Siddiq
- B. Umar al-Khattab
- C. Uthman bin Affan
- D. Ali bin Abi Talib

5. Pernyataan yang manakah tidak benar mengenai hisbah?
- A. Meninjau pandangan, pendapat rakyat terhadap sesuatu dasar yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh pemerintah.
 - B. Mengawal dan menyemak sistem pemerintahan dan pentadbiran supaya dapat dipertingkatkan tahap kecekapan.
 - C. Mencegah dan membendung amalan tidak sihat yang dihadapi dalam menerajui pemerintahan dan pentadbiran.
 - D. Memperluas penyampaian dakwah dan seruan Islam kepada pembesar-pembesar Arab dan ketua-ketua negara Islam.

6. *... dan jika kamu menghukum sesama manusia, hukumlahi antara mereka dengan adil.*
- (Surah al-Maidah: 42)

Berdasarkan Surah al-Maidah di atas, apakah maksud atau mesej yang ingin disampaikan kepada umat Islam?

- A. Hukuman yang dikenakan haruslah setimpal.
 - B. Menegakkan keadilan tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama.
 - C. Mengenakan hukuman hudud.
 - D. Mengamalkan adab dan akhlak Islam yang mulia.
- 7.
- Mazhab terawal.
 - Dikenali sebagai ahl al-Ra'y.
 - Diikuti oleh umat Islam di Turki, India dan Pakistan.

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Mazhab Hanbali
- B. Mazhab Syafi'i
- C. Mazhab Maliki
- D. Mazhab Hanafi

8. Apakah peranan Lembaga Tabung Haji?
- A. Membolehkan orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi menunaikan haji.
 - B. Menangani masalah sosioekonomi masyarakat Islam di Malaysia.
 - C. Syarikat pengusaha mengendalikan pelaburan atau perniagaan kumpulan wang caruman.
 - D. Bertindak sebagai tempat pungutan dan memudahkan urusan pembayaran zakat.

- 9.
- Penyimpan dan pemegang amanah dana.
 - Akan diberi ganjaran berserta hibah.
 - Boleh digunakan dalam akaun simpanan.

Penyataan di atas merujuk kepada produk ekonomi Islam iaitu _____.

- A. Mudharabah
 - B. Murabahah
 - C. Wadiah
 - D. Wakalah
10. Antara pilihan berikut, yang manakah tidak benar mengenai konsep-konsep yang digunakan dalam perbankan Islam.
- A. Mudharabah
 - B. Wadiah
 - C. Ijarah
 - D. Jizyah

Soalan struktur

1. Jelaskan definisi hukum-hukum berikut berserta contoh:

- a. Hudud

b. Qisas

c. Takzir

2. Sistem syura merupakan satu sistem pemerintahan dan pentadbiran yang terbaik.

a. Berikan tiga hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

b. Nyatakan dua kesan buruk jika meninggalkan sistem syura dalam sesuatu pentadbiran.

3.



Sumber: <http://ms.wikipedia.org/wiki/Fail:YosriBgnTabungHaji.jpg>

a. Nyatakan nama bangunan berdasarkan anak panah yang ditunjukkan dalam gambar di atas.

b. Apakah tujuan penubuhannya?
